

29/12/2001

Prestasi baik tiket raih undi

KOTA KINABALU, Jumaat - Barisan Nasional (BN) akan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan dengan keyakinan tinggi, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, ia berdasarkan faktor prestasi baik wakil rakyat terdahulu dan Menteri Besar Perlis serta kepercayaan rakyat terhadap BN kerana berjaya mewujudkan suasana stabil, makmur dan bebas daripada kegiatan ekstrimis.

Katanya, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) terdahulu, mendiang Datuk Khor Liang Tee, memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat, manakala Datuk Seri Shahidan Kassim, aktif membantu rakyat dan membangunkan negeri.

Beliau berkata, keyakinan rakyat terhadap BN begitu tinggi kerana berjaya mengekalkan kestabilan, kemakmuran dan bebas daripada kumpulan ekstrimis menerusi penangkapan anggota Kumpulan Al-Maunah serta Kumpulan Militan Malaysia.

"Kita juga bebas daripada ancaman kumpulan pengganas yang menyerang Amerika Syarikat pada 11 September lalu," katanya sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

Pilihan raya kecil Indera Kayangan perlu diadakan berikutan kematian Adun kawasan itu, Khor, 59, pada 20 Disember lalu.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, pihaknya yakin pengundi tidak akan mengundi pembangkang semata-mata atas nama perubahan.

Sebaliknya, beliau berkata lebih ramai pengundi akan menyokong BN sebagai penghargaan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN, kerana berjaya mewujudkan suasana stabil dan makmur.

Mengenai calon yang akan bertanding, Dr Ling berkata MCA sudah menyerahkan senarai nama calon yang layak bertanding di kawasan itu kepada Dr Mahathir, selaku Pengerusi BN, dan terserah kepada beliau membuat keputusan muktamad.

Dr Ling yang akan mengetuai kempen parti itu di DUN berkenaan yakin semua pemimpin MCA akan bekerja sebagai satu pasukan.

(END)